

## STRATEGI MEMBANGUNKAN PERADABAN MALAYSIA: PERSPEKTIF NILAI-NILAI SPIRITUAL PELBAGAI TAMADUN

N. Kanthasamy

### Pengenalan

Peradaban perlu secara progresif mendedahkan kapasiti jiwa ke arah matlamat akhir iaitu menyedari diri sendiri. Jiwa individu melalui evolusi memperkembangkan kuasa pancaindera, emosi, minda dan intelek sehingga ke tahap menemui alam semulajadi sebagai Kesedaran Suci. Oleh itu, perkembangan peradaban merupakan peradaban kesedaran. Peradaban manusia memang ada peranan khas. Ia perlu bersifat aspirasi spiritual di mana kita berusaha menggabungkan kesedaran universal dengan pengwujudan. Ini bukanlah kepercayaan agama ataupun sains materialistik. Peradaban sebenarnya bermula dengan kehidupan spiritual dan lazimnya berdasarkan ajaran yang disampaikan oleh insan-insan yang disanjung tinggi terutamanya para cendekiawan yang telah merealisasikan kebenaran.

Setiap tamadun di dunia telah membekalkan manusia dengan pelbagai pengetahuan yang menjadi panduan dan teladan bagi kehidupan yang sentiasa berubah dan membangun. Walaupun bidang sains yang bersifat informatif, berguna dan praktikal penting dalam tamadun India, nilai-nilai spiritualnya telah memudahkan dunia memahami sifat manusia dan alam semulajadi, perhubungan manusia dan undang-undang karma universal atau keadilan kosmik. Tamadun India juga memperkayakan dunia dengan agama, falsafah, kesusasteraan, seni bina, seni ukir, seni lukis, muzik dan sebagainya yang

membawa kepada budaya universal berasaskan kepercayaan dalam perpaduan, kewujudan realiti immanent dan transendental, kesucian segala jenis kehidupan toleran terhadap fahaman lain, harmoni emosi melalui intelek dan mengatasi kesusahan melalui pengetahuan benar.

Tamadun India zaman silam mempunyai pengaruh yang luas. Asia Tenggara dan Sri Lanka telah menerima pengaruh budaya dari India. Negara Tibet, China, Korea dan Jepun juga dipengaruhi khususnya melalui Buddhisme. Sebenarnya, tamadun India memiliki banyak idea yang boleh membantu untuk membangunkan peradaban Malaysia. Kertas ini menghadkan skopnya kepada perspektif nilai-nilai spiritual tamadun India yang boleh membantu membangunkan Malaysia. Segala nilai yang tertera dalam peradaban India terutamanya bidang agama dan falsafah boleh digunakan sebagai panduan dalam usaha murni ini.

## Strategi Agama

Agama menjadi inti kehidupan manusia di negara purba. Begitu juga dengan negara-negara lain di dunia pada zaman silam. Agama menjadi asas pemikiran, corak kehidupan dan prinsip panduan bagi peradaban sepanjang masa. Seorang tokoh India yang bernama Swami Vivekananda berkata "Agama dan falsafah merupakan hadiah suci kepada dana pengetahuan dunia. Setiap negara memang mempunyai sesuatu untuk menghadiahkan kepada dunia dan sumbangan India adalah dalam bidang spiritual."

Konsep Tuhan atau realiti mutlak diterima oleh pelbagai sistem India, Kumpulan Vedintin menamakannya *Sunya*; cendekiawan Sankhya mengelarinya *Purusha*, Sekolah Yoga menyebutnya sebagai Iswara dan mazhab Saiva mengagungkannya sebagai *Siva*. Kepercayaan kepada Tuhan merupakan inti dalam kumpulan ortodoks India. Sesuai dengan prinsip pertama dalam Rukun Negara, konsep ketuhanan boleh diutamakan dalam usaha melahirkan masyarakat dalam peradaban Malaysia.

## Strategi Etika

Jainisme dan Buddhisme yang digolong dalam kumpulan heterodoks memiliki ajaran etika yang tunggal. Mereka menegaskan bahawa segala-galanya dalam dunia adalah tidak kekal dan usaha untuk mencari keseronakan perlu dikikis. Buddhisme menyebutnya kedahagaan (*trishna*), Hinduisme menggelarnya nafsu (*kama*) dan Jainisme merujuk kepadanya sebagai delusi (*moha*). Walaupun para pengamal Veda berdoa untuk hidup lama dan menegaskan keperluan harta, kesihatan, sanjungan dalam kehidupan manusia, mereka tidak menolak nilai-nilai etika dan moral. Spirituisme Hindu menegaskan kebenaran (*satya*), kepercayaan (*shraddha*) dan usaha (*tapas*) dan menolak nafsu seks (*Brahnacarya*). Konsep 'Vamasharma dharma' bertujuan membetulkan masyarakat sebagai cara cekap dan harmoni. Pemahaman konsep sebagai sesuatu yang memecah-belahkan manusia adalah tidak tepat tetapi bertujuan untuk mendorong setiap anggota masyarakat bekerja secara harmoni. Sebarang usaha untuk mendirikan peradaban Malaysia perlu mengutamakan keharmonian masyarakat dan perpaduan di antara pelbagai kaum. Ia juga seiring dengan kehendak Wawasan 2020 khususnya cabaran keempat yang berbunyi "Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika sepenuhnya yang mempunyai warganegara yang kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika yang paling tinggi."

Sebagai rakyat yang mempunyai peranan, kita perlu senantiasa bersikap positif. Aspek 'trivarga' yang menegaskan kebaikan (*dharma*), kekayaan (*artha*) dan kegembiraan (*kama*) diterima sebagai nilai-nilai manusia atau pun matlamat manusia. Seseorang itu perlu menghubungkan benda-benda dalam alam ini untuk menjalani kehidupan yang ideal. Nilai yang keempat iaitu 'moksha' yang dimasukkan kemudian diterima membantu manusia mengalih pandangannya ke arah Tuhan. Kabir berpendapat "Keempat-empat klasifikasi membuktikan bahawa elemen-elemen ekonomi, politik dan juga hedonistik penting bagi perilaku manusia." Pandangan yang tidak sempit ini seolah-olah memberi tenaga kepada agama

Hindu. Bagi masyarakat Malaysia, pengajarannya ialah agar manusia bertekad menghadapi perubahan dalam peredaran masa dan cabaran-cabaran terhadap pemikiran baru.

Satu daripada ajaran dalam zaman *Upanishad* ialah konsep etika tentang moraliti yang berkisar pada kebaikan dan kejahatan. Ini tidak bermakna nilai-nilai umum diketepikan. *Ahimsa, daya, satya, brahmacarya* dan *dana* juga diberi keutamaan. Dalam kitab *Upanishad*, aspek-aspek tentang kepercayaan, pengetahuan, hasrat renunciasi dan austeriti disebut berulang kali. Meditasi akan membawa seseorang itu menyedari diri sendiri. Dalam konteks peradaban Malaysia, rakyat yang berbilang bangsa perlu menyedari diri sendiri dan mengetahui peranan mereka dalam negara berbilang kaum. Jika segala aspek yang tertera dalam ajaran moral dapat dipegang, nasionalisme yang unggul dapat dipelihara.

### **Strategi Kehidupan**

Satu lagi konsep iaitu 'varansharama' membahagikan kehidupan seseorang kepada empat peringkat untuk memenuhi kehendaknya. Peringkat pertama menggalakkan seseorang insan berdisiplin, menjauhi daripada seks dan berusaha untuk menimba ilmu. Peringkat kedua membenarkan seseorang itu berkahwin dan berkhidmat kepada masyarakat. Kehidupan spiritual diutamakan dalam peringkat ketiga. Dalam peringkat akhir seseorang itu melepaskan segala ikatan dengan dunia nyata dan berusaha untuk bertapa. Memahami diri sendiri dan mengetahui peranan kita yang berbeza dalam setiap peringkat kehidupan boleh menjadi teladan yang baik dalam usaha membina peradaban Malaysia. Jika seseorang itu menyedari fungsi dan tanggungjawabnya pada bila-bila masa, saya percaya bahawa jenayah yang berleluasa pada hari ini boleh dihapuskan.

### **Strategi Kitab**

Ajaran yang disebut dalam *Bhagavad Gita* dan kitab-kitab lain elok dijadikan panduan dalam usaha untuk membina peradaban

Malaysia. Kitab ini menggabung-jalinkan pengetahuan, perbuatan dan bhakti. Ia menegaskan bahawa pengetahuan adalah tunggak bagi segala kemajuan. Kita mesti berusaha setiap masa untuk memperoleh pengetahuan yang memudahkan kita mengetahui pergerakan dunia. Dalam zaman sains dan teknologi, kita mesti berusaha mempertajamkan otak kita supaya dapat mempelajari segala ilmu yang moden. Ini tidak bermakna pengetahuan lama itu tidak penting. Pengetahuan lama yang kukuh boleh mendorong kita untuk memiliki pengetahuan terbaru. Perbuatan atau karma menggalakkan kita berkhidmat dan menjalankan tanggungjawab tanpa pilih kasih. Perbuatan perlu baik supaya ia tidak mendatangkan malapetaka kepada orang lain. Walaupun manusia sering terdedah kepada perbuatan jahat, namun mereka boleh mencuba untuk mengurangkannya. Bhakti mempunyai makna yang luas. Walaupun bhakti merujuk kepada konsep menyerah diri kepada Tuhan, dalam konteks semasa ia boleh dikaitkan dengan taat setia kepada negara. Seseorang rakyat harus menaruh harapan pada negaranya dan mecurahkan bhakti terhadapnya.

### **Strategi Pendidikan**

Bahasa sebagai alat komunikasi merupakan tonggak penting untuk membentuk kehidupan berbudaya. Aspek ini bukanlah baru kerana ia telah wujud dalam tamadun manusia sejak dahulu kala lagi. Walaupun bahasa mengutamakan proses pencapaian kemahiran asas, namun ia boleh melahirkan individu yang seimbang daripada aspek intelek, rohani, emosi dan jasmaninya. Keseimbangan ini boleh membantu individu dan juga masyarakat menegakkan budaya. Ini bermakna bahawa strategi pendidikan bahasa dapat membawa reformasi yang positif. Dalam konteks Malaysia, perubahan dalam sistem pendidikan telah diadakan sejak sebelum kemerdekaan. Segala perbaharuan ini bertujuan untuk membina budaya. Peradaban Malaysia hanya dapat kekal dan menjadi contoh konkrit apabila bidang pendidikannya dapat diteruskan seiringan dengan kemajuan negara dan antarabangsa.

Selain bahasa, kesusasteraan negara juga boleh melahirkan peradaban yang baik. Max Muller berkata, "Sastera purba India membuka lembaran baru yang disebut sebagai 'Pendidikan Manusia' yang tiada tandingnya." Baginya sastera bersifat kesinambungan. Ajaran dalam sastera India – Veda, Upanisad, Mahabharata, Ramayana, Bhagavad Gita, dan lain-lain – akan memperkayakan tamadun bangsa Malaysia juga memiliki khazanah sastera yang relevan bagi peradabannya. Di samping kesusasteraan Melayu, kesusasteraan Cina dan India juga boleh diselitkan untuk membina satu peradaban Malaysia. Usaha ini telah pun diadakan sejak beberapa tahun tetapi masih boleh dipertingkatkan lagi.

### **Stretegi Individu**

Satu usaha ke arah pembentukan peradaban Malaysia ialah dengan rakyat mengiktiraf bahawa hak-hak individu wujud bukan untuk mempertahankan kerajaan tetapi sebaliknya kerajaan wujud untuk menjaga kepentingan individu. Individu mempunyai hak untuk menentukan kehidupannya dan bebas menikmati kegembiraan. Sejarah membuktikan bahawa sistem hamba dan usaha menghina individu tidak boleh diterima oleh masyarakat yang bertamadun. Dengan menjaga hak individu kita boleh mengeratkan hubungan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya antara satu sama lain dan melahirkan negara yang beradab. Segala pencapaian peradaban seperti kebebasan, kekayaan, kesihatan, keselesaan dan sebagainya berpunca daripada pemeliharaan hak individu.

### **Kesimpulan**

Setiap negara memang telah menyumbangkan budaya masing-masing kepada peradaban dunia. Peradaban India menegaskan budaya universal ke arah melahirkan keadilan dan keamanan di dunia. Oleh itu, dalam usaha mewujudkan peradaban Malaysia kita perlu memiliki strategi yang bercorak komprehensif dan holistik dalam evolusi budaya. Pengetahuan

tentang keupayaan kita, kesedaran tentang alam sekeliling, pengetahuan tentang masyarakat kita dan juga spiritualisme dalam agama sangat mustahak dalam rangka pembentukan peradaban Malaysia. Oleh itu rakyat Malaysia perlu berganding bahu dalam melahirkan peradaban Malaysia yang merupakan objektif utama Wawasan 2020 yang berbunyi "Menjelang tahun 2020 juga, Malaysia boleh menjadi Negara yang bersatu, dengan masyarakat Malaysia yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur serta mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental."

### Rujukan

- Awang Sariyan. 2002. "Pengajaran bahasa sebagai suatu wasilah membina kehidupan berbudaya luhur: pengalaman Malaysia." *Kipbipa*, Bali, Indonesia: IALF.
- Chakravorty, B.C. 1999. *Indian Culture*. New Delhi: Reliance Publishing House.
- Chakravorty, B.C. 1952. *Ancient Indian Culture and Civilization*. London
- Chatterji. 1996. *Indian Culture*. Delhi
- Gupta, S. 1951. *Heritage of India* (A Selection of Max Muller's lectures). Calcutta.
- Swami Vivekananda's Works*. 1960. Calcutta: Udbodhan.